

# TIGER BALM® WHITE OINTMENT

Dementholised Mint Oil/ Cajaput Oil/ Camphor/ Menthol/ Clove Oil (16% w/w / 13% w/w / 11% w/w / 8% w/w / 1.5% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Tiger Balm White Ointment*
2. Bagaimana *Tiger Balm White Ointment* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Tiger Balm White Ointment*
4. Cara menggunakan *Tiger Balm White Ointment*
5. Semasa menggunakan *Tiger Balm White Ointment*
6. Kesan-kesan Sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Tiger Balm White Ointment*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Tiger Balm White Ointment*

Untuk melegakan sakit kepala, hidung tersumbat, gigitan serangga, gatal-gatal dan kembung perut.

## Bagaimana *Tiger Balm White Ointment* berfungsi

Mempunyai kesan dingin kepanasan yang ringan, dan kesan analgesik. Apabila diurut perlahan-lahan pada kulit, kesan sejuk dirasai pada mulanya diikuti dengan rasa hangat. Rasa hangatini boleh bertahan sehingga beberapa jam.

## Sebelum menggunakan *Tiger Balm White Ointment*

### Bila tidak boleh menggunakannya

Individu yang diketahui atau disyaki tidak toleransi terhadap mana-mana bahan ubat itu.

### -Sebelum mula menggunakannya

Ia boleh menyebabkan tindak balas alergi kepada sesetengah individu yang mempunyai kulit sensitif. Sebelum menggunakannya, cuba

pada permukaan kulit yang lebih kecil terlebih dahulu.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Tidak berkaitan. Untuk kegunaan luaran sahaja, bukan untuk dimakan.

## Cara menggunakan *Tiger Balm White Ointment*

### -Berapa banyak harus digunakan

Gunakan hanya secukupnya pada bahagian yang terjejas.

### -Bila perlu digunakan

Gunakan apabila mengalami sakit kepala, hidung tersumbat, gigitan serangga, gatal-gatal dan kembung perut.

### -Berapa lama perlu digunakan

Disyorkan untuk menggunakan 2 hingga 3 kali sehari.

### -Jika terlupa menggunakan

Sila rujuk dengan doktor tentang apa yang anda perlu lakukan jika terlupa menggunakannya. Anda mungkin akan terus mengalami gejala ketidaksesuaian yang disenaraikan.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau sesiapa yang mungkin menggunakan ubat ini secara berlebihan atau pengambilan berlebihan secara tidak sengaja berlaku, sila rujuk dengan doktor secepat mungkin, atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital terdekat. Lakukan demikian walaupun tiada tanda ketidaksesuaian atau keracunan. Anda mungkin perlukan rawatan.

## Semasa menggunakan *Tiger Balm White Ointment*

### -Perkara yang perlu dilakukan

Sapukan pada bahagian yang sakit perlahan-lahan sehingga diserap sepenuhnya. Untuk ibu mengandung atau ibu yang menyusukan anak, sila

rujuk doktor sebelum menggunakannya.

### -Perkara yang tidak boleh lakukan

- Jangan sapukan *Tiger Balm White Ointment* pada luka terbuka atau pada kulit yang mengalami iritasi.
- Jangan dibalut dengan ketat.
- Camphor boleh menyebabkan sawan. Jangan gunakan pada kanak-kanak lebih berusia dirawat.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

- Langkah berhati - hati perlu diambil semasa merawat kanak-kanak.
- Elakkan sentuhan secara langsung dengan mata, selaput lendir atau luka.
- Berhenti menggunakannya jika berlaku iritasi yang teruk pada kulit.
- Untuk kegunaan luaran sahaja. Jauhi daripada kanak-kanak.

## Kesan-kesan sampingan

Boleh menyebabkan tindak balas alergi bagi sesetengah individu yang mempunyai kulit sensitif. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel: 03-78835550, atau laman web <http://www.npra.moh.gov.my> (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

## Cara Penyimpanan dan Pelupusan *Tiger Balm White Ointment*

### -Penyimpanan

Ia adalah disyorkan untuk menyimpannya di bawah suhu 30°C, di tempat yang kering. Guna dalam jangka masa 4 tahun dari tarikh dibuat.

**-Pelupusan**

Ubat tidak boleh dilupuskan ke saluran air. Minta nasihat ahli farmasi anda mengenai cara pelupusan jika ubat tidak diperlukan lagi.

**Maklumat Lanjut**

**-Rupa dan warna produk**

Salap yang bewarna putih kekuningan dengan ciri bau Menthol dan Camphor.

**-Bahan-bahan kandungan**

Bahan aktif:

Dementholised Mint Oil, Cajuput Oil, Camphor, Menthol, Clove Oil.

Bahan tidak aktif:

Paraffin, Petrolatum.

**-Nombor MAL**

MAL19921238X

**Pengilang dan Pemegang  
Pendaftaran Produk**

Tiger Balm (M) Sdn.Bhd,  
PLO 95, No. 6, Jalan Firma 1/1,  
Tebrau Industrial Estate,  
81100 Johor Bahru, Malaysia.

**Tarikh Kemaskini RiMUP**

15/03/2018

**Nombor Siri**

NPRA (R4/1) 271117/00326